

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA  
**KAWASAN :** KETEREH  
**TARIKH :** 26 MEI 2016, KHAMIS

**SOALAN:**

**YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) yang menghubungkan dari Gemuruh, Terengganu ke Tumpat, Kelantan dan apakah usaha bagi meminimumkan kos dan mengelakkan pembaziran sepanjang pembinaan jajaran LPT3 itu nanti.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cadangan projek Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 3 atau LPT3 sememangnya termasuk dalam perancangan Kerajaan untuk dilaksanakan. Ia bakal melengkapkan rangkaian Lebuh Raya Pantai Timur – iaitu melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan sebagaimana rekomendasi dalam Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Semenanjung Malaysia atau HNDP Fasa 1 (2008-2020).

Kajian Kemungkinan Awalan projek LPT3 ini telah disiapkan pada tahun 2009 di mana ia telah mengenal pasti cadangan jajaran laluan terlibat, iaitu dari Kg. Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pangkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147km. Projek LPT3 ini berpotensi untuk dilaksanakan secara kaedah penswastaan. Walau bagaimanapun keputusan untuk melaksanakan projek ini – termasuk penentuan kos dan kaedah pelaksanaan projek - adalah merupakan perkara dasar yang masih sedang dalam peringkat pertimbangan Kerajaan.